

09/09/2000

Malaysia ketinggalan tanpa MSC: Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia akan lebih jauh ketinggalan jika ia tidak membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta mempunyai wawasan untuk maju dalam sektor teknologi maklumat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tanpa wawasan MSC yang dimulakan empat tahun lalu itu, Malaysia tidak akan berupaya mengambil kesempatan daripada perkembangan pesat teknologi dan ekonomi baru.

"Kita akan menghadapi kesukaran. Kita tidak tahu bagaimana untuk memantapkan kapasiti kerajaan dan idea tanpa MSC. Sekarang, dengan MSC, kita berupaya memberi fokus khusus mengenai keperluan dan potensi teknologi maklumat," tegasnya.

Beliau menegaskan demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Ekspo MSC sempena mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Keempat (IAP) MSC, di The Mines, Seri Kembangan dekat sini hari ini.

Ditanya mengenai kritikan terhadap tahap pembangunan projek MSC, Dr Mahathir yang juga pengerusi IAP berkata, ia berjalan lancar dan mendahului jadual seperti dirancang sebelum ini.

Kini 37 syarikat bertaraf dunia diberi status MSC iaitu menghampiri sasaran 50 syarikat seumpamanya menjelang 2003. Lima puluh syarikat bertaraf dunia itu adalah sebahagian daripada 500 firma yang disasarkan dianugerahkan status itu menjelang 2003.

Beliau berkata, 362 daripada 500 syarikat yang disasarkan, sudah diberi status MSC dan daripada jumlah 362 itu, 37 adalah syarikat bertaraf dunia.

"Malah semua prasarana sudah pun berada di tempat seperti dirancang dan Cyberjaya pula sedang dimajukan menjadi bandar pintar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, masyarakat perbankan di negara ini perlukan perubahan paradigma terutama dalam sektor modal teroka dan keperluan bagi melatih pekerja dalam bidang itu.

Modal teroka, katanya, adalah sesuatu yang kebanyakan masyarakat kewangan dan perbankan di negara ini mendapati sukar untuk diamalkan kerana mereka sudah biasa membuat pembiayaan berasaskan cagaran.

"Mereka yang terbabit dalam kegiatan teroka modal sepatutnya membuat pelaburan bebas dengan harapan daripada 10 syarikat yang dilabur, satu daripadanya akan memberi pulangan besar bagi menampung kerugian yang lain.

"Jika anda bercakap kepada perbankan Malaysia, mereka fikir ini gila. Mereka lebih suka meminjamkan wang berdasarkan kepada sebidang tanah bernilai lebih sekali ganda daripada apa yang mereka biayai," katanya.

Mengenai mesyuarat IAP, beliau berkata kehadiran 29 ahli panel IAP kali ini adalah satu pencapaian terbaik.

Katanya, ahli panel mengadakan perbincangan yang sangat berguna dan penyertaan mereka akan memberi garis panduan mengenai bagaimana mempercepatkan pelaksanaan program MSC.

(END)